



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Majalah
e-ADICITA
UiTM Cawangan Johor

Edisi 1 | 2023



5

Pelancaran Program Menu Makanan Malaysia (Food Basket Siswa Keluarga Malaysia)



6

Sesi Diskusi Peluang-Peluang Kerjasama Strategik Bersama Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin



44



Pameran Akademik di Sekolah Sekitar Segamat

Terbitan Pertama 2023
©Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
Hakcipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam bentuk apa sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas kepada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Majalah e-ADICITA

e-ISSN: 2976-2839

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor,
Jalan Universiti Off KM 12 Jalan Muar,
85000 Segamat,
Johor.
Tel: 07-9352000
Fax: 07-9352716

<https://johor.uitm.edu.my>

Majalah ini diterbitkan secara berkala setiap 4 bulan.

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Madya Dr Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor

Penasihat:

Dr Faridah Najuna Misman, Timbalan Rektor (PJI&A)

Ketua Editor:
Siti Nordiyana Isahak

Editor Utama:
Datin Aryani Abdullah

Editor
Bahagian HEA:
Siti Fatimah Mohd Noh

Bahagian HEP:
Hussin Ab Mutalib

Bahagian PJI&A:
Norshahnadz Mohamed Ghulam

Bahagian Pentadbiran:
Nurulintan Shyazwaney Razali

Bahagian Pengurusan Fasiliti:
Maznah Salamin

Bahagian Infostruktur:
Mimi Hasliah Mohd Shahari

Pejabat Bendahari:
Mohd Fairrol Ismangil

Pejabat Polis Bantuan:
Mohd Faiezal Bharum

Unit HEI:
Ustaz Rafiuddin Mohd Yusof

Unit Komunikasi Koporat:
Iqlil Dhania Mohamad

Unit Pengurusan Kualiti:
Siti Rahayu Sarman

Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI):
Mohd Azmi Samsuri

Rekabentuk Kulit/dalaman:
Syamsul Firdaus Sardi

Muhammad Harraz Emmyl Mohd Hafiz
Muhammad Izzuddin Zuraimi

Sekretariat:
Nur Atiqah Abd Hamid

ISI KANDUNGAN

ii

SIDANG
REDAKSI

iii

DARI MEJA
REKTOR

iv

KATA ALUAN
TIMBALAN REKTOR
BPJI&A

v

NOTA KETUA
EDITOR

1

SOROTAN
AKTIVITI
REKTOR

7

BAHAGIAN HAL
EHWAL AKADEMIK

10

BAHAGIAN HAL
EHWAL PELAJAR

15

BAHAGIAN
PENYELIDIKAN,
JARINGAN INDUSTRI
& ALUMNI

20

BAHAGIAN
PENTADBIRAN

23

BAHAGIAN
PENGURUSAN
FASILITI

27

BAHAGIAN
INFOSTRUKTUR

30

PEJABAT
BENDAHARI

36

UNIT HEI

42

UNIT KOMUNIKASI
KOPORAT

45

POLIS
BANTUAN

48

UNIT PENGURUSAN
KUALITI

51

PTDI

57

KLIK-KLIK
UITMCJ

DARI MEJA REKTOR

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.



Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah Yang Maha Esa, Tuhan Semesta Alam. Saya bersyukur kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya diberikan sedikit ruang untuk menitipkan sepatchah dua kata dalam keluaran sulung Majalah e-ADICITA. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA di bawah penyelarasan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor kerana telah bekerja keras melaksanakan tanggungjawab dalam penerbitan sulung majalah ini. Usaha ini wajar mendapat pujian kerana liputan majalah melibatkan aktiviti kedua-dua kampus UiTM Cawangan Johor iaitu Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang.

Penerbitan Majalah e-ADICITA secara berkala sebanyak 3 kali dalam setahun (4 bulan sekali) merupakan salah satu daripada *Rector's Special Project (RSP)* yang telah saya gariskan apabila mendapat mandat menerajui UiTM Cawangan Johor pada 17 Oktober 2022. Saya melihat terdapat keperluan untuk mewujudkan satu sistem pengumpulan data dan maklumat melalui pelaporan yang ringkas tetapi jelas serta padat dan diterbitkan secara berkala oleh setiap bahagian/unit atau pejabat di UiTM Cawangan Johor. Penerbitan majalah ini sangat penting sebagai kayu pengukur dan menjadi satu indikator semak dan imbang dalam pentadbiran saya. Selain untuk tujuan kewujudan (*visibility*) kampus, pelaporan sebegini membantu dalam penyediaan Laporan AKNC, MyRA dan sebagainya.

Dalam usaha membina imej UiTM Cawangan Johor sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang proaktif dan sentiasa dekat dengan masyarakat, saya percaya peningkatan kepada produktiviti dan daya saing yang sihat perlu seiring dengan proses pembinaan sikap dan karakter dalam mencintai ilmu. Mendepani medan persaingan global dan ledakan perubahan teknologi yang pantas, setiap warga UiTM Cawangan Johor perlu bersedia untuk mengadaptasi kesemua perubahan ini dan memastikan setiap indikator pembangunan menjadi lebih terancang, bersifat inklusif dan berpaksikan inovasi. Justeru transformasi penyampaian perkhidmatan perlu diperhalusi dengan baik supaya setiap pemegang taruh berpuashati terhadap mutu perkhidmatan yang ditawarkan.

Dalam merangka dan menerbitkan majalah ini, ramai pihak yang telah memberi sumbangan, masa, tenaga dan ilmu. Dedikasi dan sumbangan yang dizahirkan ini adalah berteraskan matlamat yang sama iaitu memastikan penyampaian ilmu sampai kepada segenap peringkat usia. Semangat yang ditunjukkan ini, sekaligus mampu membuktikan kewujudan UiTM Cawangan Johor dalam menyumbang impak yang positif kepada masyarakat setempat di samping mendapat keyakinan dari pihak industri dan kepercayaan rakan strategik UiTM Cawangan Johor serta sistem UiTM keseluruhannya.

Dengan tulus ikhlas, saya mendoakan agar usaha ini diberkati Allah SWT. Semoga sumbangan ini dapat melahirkan lebih ramai warga UiTM Cawangan Johor yang bukan sahaja berketerampilan dari sudut ilmunya, tetapi mempunyai nilai tambah yang sentiasa bersedia dengan arus perubahan semasa.

Sekian, wassalam.

PROF. MADYA DR. SAUNAH ZAINON
REKTOR
UiTM CAWANGAN JOHOR

KATA ALUAN TIMBALAN REKTOR PJIA

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.



Terima kasih diucapkan kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA kerana memberi ruang dan peluang untuk saya mencoretkan sepatah dua kata dalam majalah ini. Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah berjaya menerbitkan edisi sulung Majalah e-ADICITA. Syabas dan tahniah juga saya rakamkan kepada Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA dan semua pihak yang menunjukkan komitmen yang jitu dalam menjayakan penerbitan pertama majalah ini.

Majalah e-ADICITA merupakan salah satu inisiatif di bawah *Rector's Special Project (RSP)* Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon bagi mendokumentasikan kesemua program-program yang berimpak di UiTMCJ. Penerbitannya dilaksanakan secara berkala sebanyak 3 kali dalam setahun (4 bulan sekali). Pengumpulan bahan secara konsisten ini akan melestarikan sistem pelaporan yang lebih cemerlang serta efektif bagi membantu dalam penyediaan laporan utama universiti seperti Laporan AKNC, MyRA dan sebagainya. Malahan mutu perkhidmatan warga UiTMCJ juga dapat dipertingkatkan, di mana kewujudan majalah ini akan menjadi salah satu indikator semak dan imbang dalam pentadbiran Yang Berusaha Rektor.

Sistem pengurusan rekod yang baik, lengkap, sahih, mudah capai serta boleh digunakan akan memastikan integriti dan akauntabiliti penyampaian maklumat menjadi lebih efektif. Dasar Pengurusan Rekod UiTM yang telah dikeluarkan pada 18 November 2022 menyatakan "Rekod merupakan sumber maklumat dan dokumen bukti dalam melaksanakan urusan rasmi UiTM yang perlu diuruskan dengan cekap dan teratur. Sehubung dengan itu, prinsip dan teras yang didokumenkan dalam Dasar Pengurusan Rekod UiTM perlulah dipatuhi oleh setiap staf di setiap PTJ". Pelaporan setiap bahagian/unit yang telah disediakan dalam majalah ini akan menjadi salah satu sumber tambahan kepada pengurusan rekod yang lebih cekap di UiTMCJ. Setiap pelaporan aktiviti akan lengkap dengan gambar-gambar dan perakuan penulisan yang menunjukkan kakitangan bukan akademik juga mampu menyumbang kepada penambahan bilangan penerbitan universiti.

Saya melihat tanggungjawab menyediakan modal insan yang baik bukan semata-mata diletakkan di bahu kakitangan akademik. Saya percaya melalui bentuk penulisan sebegini, walaupun ringkas ia secara tidak langsung membuktikan semua warga UiTMCJ bersedia membantu universiti menggarapkan segala maklumat menjadi satu susunan ilmu yang baik. Tahniah diucapkan buat semua penulis. Penerbitan ini bukan sahaja membuktikan kewujudan (visibility) kampus, tetapi setiap karya penulisan dan aktiviti bergambar yang dimuatkan akan menjadi kenangan indah di samping peningkatan kepada bilangan penulisan karya dan penerbitan di UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ).

Sekali lagi, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa serta sidang redaksi majalah. Semoga usaha menerbitkan Majalah e-ADICITA diteruskan pada masa mendatang. Kepada pembaca majalah ini, semoga ia memberi manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

DR. FARIDAH NAJUNA MISMAN

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN DAN JARINGAN INDUSTRI)
UiTM CAWANGAN JOHOR

NOTA KETUA EDITOR

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Bismillahirrahmanirrahim. Bersyukur ke hadrat llahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Majalah e-ADICITA telah berjaya diterbitkan. Selawat dan salam juga buat junjungan kita Nabi Muhammad SAW, utusan rahmat sekalian alam. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi atas usaha gigih dan khidmat yang tidak mengenal erti jemu bagi menyiapkan sekaligus merealisasikan penerbitan pertama Majalah e-ADICITA secara dalam talian sepenuhnya. Majalah ini telah diselaraskan di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, UiTM Cawangan Johor meliputi pelaporan untuk kedua-dua kampus, Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Merupakan salah satu inisiatif di bawah *Rector's Special Project (RSP)* Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon, majalah ini akan mengumpulkan laporan kesemua aktiviti dalam satu sistem pengumpulan yang lebih sistematik, bervisi serta menyumbang kepada peningkatan prestasi setiap warga UiTMCJ.

Merealisasikan usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah. Proses pengumpulan bahan memakan masa berbulan-bulan, setiap bahagian/jabatan/unit di UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) perlu peka terhadap aktiviti yang dilaksanakan dan memastikan pelaporan dibuat segera. Bagi memudahkan proses ini, setiap bahagian/jabatan/unit mempunyai seorang penyunting dan bertindak membuat suntingan di peringkat awal. Siapa sangka, kakitangan bukan akademik juga sangat cemerlang dalam bidang penulisan. Hal ini terbukti apabila, dapatan hasil pengumpulan hanya memerlukan sedikit sahaja sentuhan kakitangan akademik dalam proses penyuntingan. Kekerapan penerbitan majalah ini juga akan menjadi cabaran yang hebat buat sidang redaksinya. Dengan kadar penerbitan berkala sebanyak tiga (3) kali (empat (4) bulan sekali) dalam setahun, usaha pengumpulan perlu konsisten dan cekap. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua editor yang telah bertungkus lumus dan memastikan setiap gerak kerja yang dibuat dilaksanakan sebaiknya.

Saya percaya usaha penerbitan majalah ini, akan meningkatkan kredibiliti, kecekapan, akauntabiliti dan memastikan kelangsungan perkhidmatan yang disediakan untuk pemegang taruh UiTMCJ direkodkan sebaiknya. Manakala setiap bahagian/jabatan/unit pula perlu bergerak aktif menyediakan program/aktiviti yang memberi impak yang besar kepada UiTMCJ. Sekaligus, usaha kecil ini akan memberikan impak yang signifikan dalam memastikan nama UiTM Cawangan Johor terus berada di persada. Mewakili semua Sidang Redaksi Majalah e-ADICITA, saya memohon ampun dan maaf andai terdapat kekurangan dan kelemahan dalam kandungan majalah ini. Saya amat berharap usaha ini dapat diterjemahkan dan diterima dengan lebih baik pada masa akan datang melalui penerbitan edisi seterusnya. Buat warga UiTM Cawangan Johor, selamat membaca dan menikmati isi kandungan ilmu yang baru. Semoga setiap rekod dan susunan artikel dalam majalah ini akan menjadi kenangan indah buat anda semua. Terus maju UiTM Cawangan Johor.

Sekian, wassalam.

SITI NORDIYANA ISAHAK
KETUA EDITOR MAJALAH E-ADICITA
UiTM CAWANGAN JOHOR

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2023

SOROTAN AKTIVITI REKTOR

UiTM CAWANGAN JOHOR

MAJLIS SAMBUTAN REKTOR UiTM CAWANGAN JOHOR

Penulis : Siti Nordiyana Isahak

Pada tanggal 17 Oktober 2022, seluruh warga UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) amat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran Yang Berusaha Rektor yang mencipta sejarah tersendiri apabila menjadi pemimpin wanita pertama memegang tampuk kepimpinan utama di UiTM Cawangan Johor. Sosok yang diangkat sebagai Rektor pada kali ini adalah Prof Madya Dr Saunah Zainon. Beliau yang begitu dekat dengan warga UiTMCJ, mempunyai pengalaman yang luas dan telah memegang beberapa jawatan pentadbiran akademik sebelum ini seperti Koordinator Program Usahasama (2003-2006), Ketua Unit Pengurusan Penyelidikan (2017) dan Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (2018-2022). Menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), ahli persekutu Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), ahli Pusat Kelestarian Asia Pasifik (APCeS) dan menyertai beberapa pertubuhan tidak berasaskan keuntungan (NGO) telah menjadikan beliau calon yang tepat untuk menerajui UiTM Cawangan Johor.

Satu majlis sambutan ringkas telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Utama (BMU) melibatkan kehadiran kesemua ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan ketua-ketua bahagian. Dalam ucapan sulung beliau, Prof Madya Dr Saunah menggariskan 2 prinsip utama dalam pentadbiran beliau di mana prinsip yang pertama adalah Konsep 4K dan prinsip kedua adalah prinsip "memimpin dan dipimpin". Konsep 4K meliputi konsep kebijakan, keprihatinan, kekeluargaan dan kegemilangan. Konsep ini mempunyai satu arah tuju iaitu memudahkan pemegang taruh, di mana setiap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan haruslah berasaskan kepada prinsip "*the answer is not no but now*". Manakala, prinsip kedua pula mementingkan elemen kepimpinan melalui teladan. Beliau menekankan konsep "jauhi konfrontasi, lebihkan konsultansi". Bagi mengubah sebuah organisasi untuk lebih gemilang dan efektif, pemimpin harus sedar perjalanan sebuah organisasi akan bermula dari pemimpin itu sendiri. Corak kepimpinan haruslah selari dengan kehendak organisasi di samping hal ehwal kebijakan warga terutamanya kebijakan pelajar menjadi keutamaan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat UiTM Cawangan Johor.



BERI SALAM & SENYUM

Bagi memastikan perjalanan prinsip yang digaris dirangkumkan dengan baik, Yang Berusaha Rektor juga menekankan kepada tiga kaedah utama pelaksanaan iaitu, pengaktifan e-Aduan Rektor, budaya memberi salam dan bacaan ayat Al-Quran serta Selawat di Lobi Bangunan Pentadbiran melalui Program Al-Quran Dihatiku perlu segera dilaksanakan. Bagi beliau penerapan nilai sangat penting untuk membentuk budaya kerja yang harmoni dan sekaligus membantu organisasi mencapai tahap kepuasan yang tersendiri. Manakala, dari sudut kelangsungan pengurusan dan perekodan yang baik di UiTM Cawangan Johor, beliau memperkenalkan kaedah pengumpulan laporan dan maklumat aktiviti setiap bahagian dan unit melalui Majalah e-ADICITA. Pemantapan pengurusan sumber manusia juga perlu diberi penekanan. Warga UiTMCJ perlu sedar akan pemahaman berkenaan dengan keseluruhan prinsip umum UiTM seperti Model i-DART, Budaya QALB dan konsep ADAB. Bagi beliau, sekiranya pengurusan sumber manusia dilaksanakan secara efektif dengan penambahbaikan dari sudut penerapan nilai, sebuah organisasi akan lebih efisien dan tentunya akan membawa kegemilangan kepada institusi itu sendiri.

Dengan menggunakan tanda palang #UiTM Dihatiku, #UiTMJohor Kampus Simponi Alam, #Keluarga UiTM Johor dan #UiTM Johor Prihatin, semoga pentadbiran Yang Berusaha Rektor terus gemilang dan dipermudahkan urusan oleh Allah S.W.T. Semoga juga Allah memberikan beliau kekuatan, ilmu, keadilan dan ketabahan sepanjang tempoh kepimpinan beliau dalam memajukan ummah dan negara.

④ #UiTMDihatiku

④ #UiTMJohorKampusSimponiAlam

④ #KeluargaUiTMJohor

④ #UiTMJohorPrihatin

KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT PEGAWAI DAERAH SEGAMAT

Penulis : Siti Nordiyana Isahak

Hubungan baik antara UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) dan agensi-agensi kerajaan tempatan di Daerah Segamat perlu diperkuatkkan bagi membentuk sinergi dalam sistem pendidikan setempat. UiTMCJ melihat kerjasama erat sebegini mampu memberikan impak yang baik kepada pembangunan, pembudayaan serta kelestarian ilmu dalam memperkasa warga UiTM. Pelajar-pelajar juga dapat didedahkan dengan situasi pasaran sebenar apabila pelbagai program dapat dianjurkan bersama, sekaligus membentuk jati diri dan kemahiran insaniah yang lebih mampan.

Bertempat di Pejabat Daerah Segamat, pada 23 Oktober 2022, Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon bersama Timbalan Pendaftar Kanan, En Mior Hishamuddin Ariffin dan Koordinator Komunikasi Korporat, Datin Aryani Abdullah telah mengadakan Kunjungan Hormat ke Pejabat Pegawai Daerah Segamat, Tuan Haji Hasrin Kamal Hashim. Ini merupakan kunjungan pertama kali Yang Berusaha Rektor dan membawa beberapa agenda universiti di samping memperkuatkkan lagi hubungan baik dengan agensi tempatan itu. Antara agenda yang dibincangkan adalah program kerjasama bagi kedua-dua agensi, penglibatan pelajar sebagai sukarelawan tempatan dan sebagainya. Semoga usaha ini akan membawa hasil dan meningkatkan jalinan kerjasama yang bakal membawa manfaat kepada semua pihak terutama di Daerah Segamat khasnya dan Negeri Johor amnya, Insyaa Allah.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat UiTM Cawangan Johor.



HUBUNGAN SINERGI SISTEM PENDIDIKAN



- ⊕ #UiTMDihatiku
- ⊕ #UiTMJohorKampusSimfoniAlam
- ⊕ #KeluargaUiTMJohor
- ⊕ #UiTMJohorPrihatin

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS ADUN BULOH KASAP

Penulis : Siti Nordiyana Isahak

Pada 23 Oktober 2022 yang lepas, Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon telah mengadakan kunjungan hormat dan sesi perjumpaan santai ke atas Yang Berhormat Dato' Zahari Sarip, ADUN Kawasan Buloh Kasap di Ngeteh Port, Taman Yayasan, Segamat sambil minum petang bersama pegawai-pegawai beliau. Turut bersama-sama Yang Berusaha Rektor adalah Timbalan Pendaftar Kanan, En Mior Hishamuddin Ariffin dan Koordinator Komunikasi Korporat, Datin Aryani Abdullah.

Jalinan kerjasama antara universiti, industri, kerajaan negeri dan agensi tempatan mampu memperkasakan sesebuah institusi pengajian tinggi bagi menghadapi revolusi industri serta transformasi penyampaian perkhidmatan negara. UiTM Cawangan Johor percaya hubungan yang baik dengan rakan strategik utama ini bukan sahaja membawa pelbagai impak yang positif kepada universiti tetapi juga buat pelajar serta masyarakat setempat. Melalui perjumpaan ini pelbagai isu disentuh terutamanya program yang bakal berlangsung tidak lama lagi yang melibatkan komuniti setempat di Daerah Segamat. Semoga perjalanan program berlangsung dengan baik dan membawa manfaat buat semua.



HUBUNGAN SINERGI SISTEM PENDIDIKAN



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat UiTM Cawangan Johor.

UiTM
UiTM
UiTM

MAJLIS APRESIASI SEMPENA PENGIFTIRAFAN TAMAN NEGARA JOHOR ENDAU-ROMPIN SEBAGAI ASEAN HERITAGE PARKS KE-51

Penulis : Siti Nordiyana Isahak

Bertempat di Puteri Harbour, Johor Bahru, Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) telah mengadakan satu majlis apresiasi yang dibuat khas bagi menghargai pihak-pihak yang terlibat dalam kejayaan PTNJ mendapatkan pengiktirafan sebagai ASEAN Heritage Parks ke-51 pada 16 November 2022.

Majlis dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Suhairi Haji Hashim, Pengarah Tourism Johor selaku wakil rasmi Yang Berhormat Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor. UiTM Cawangan Johor bersama-sama agensi lain seperti Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Wildlife Conservation Society, Malaysian Nature Society, Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan ASEAN Centre for Biodiversity telah menerima Sijil Khas Apresiasi atas komitmen yang telah diberikan dalam membantu PTNJ mendapatkan pengiktirafan ini. Semoga kerjasama antara UiTM Cawangan Johor dan PTNJ terus kekal mampan bagi memastikan aspek konservasi alam sekitar terus menjadi keutamaan. Terima kasih PTNJ atas pengiktirafan yang diberikan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat UiTM Cawangan Johor.



- ⊕ #UiTMDihatiku
- ⊕ #UiTMJohorKampusSimfoniAlam
- ⊕ #KeluargaUiTMJohor
- ⊕ #UiTMJohorPrihatin

PELANCARAN PROGRAM MENU MAKANAN MALAYSIA (FOOD BASKET SISWA KELUARGA MALAYSIA)

Penulis : Siti Nordiyana Isahak

Peningkatan kos sara hidup dan harga barang yang tinggi di Malaysia dewasa ini, turut memberi kesan kepada semua peringkat umur termasuklah pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi. Pada Julai 2022, Menteri Pengajian Tinggi ketika itu, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad telah melancarkan Food Basket Siswa Malaysia melalui Jawatankuasa Tindakan Sara Hidup Siswa Keluarga Malaysia. Melihat kebimbangan peningkatan harga barang yang tentunya menjelaskan kebajikan pelajar, pihak kementerian telah sedaya upaya memantapkan usaha bagi memastikan penyaluran bantuan sampai tepat pada sasaran. Menyambut baik usaha yang telah digariskan oleh pihak kementerian bagi meringankan kos perbelanjaan penuntut, Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Roziah Mohd Janor telah mengumumkan bermula 8 Julai 2022, kesemua 35 kampus UiTM telah menawarkan menu makanan kepada pelajar serendah RM3.50 (menu khas) untuk pelaksanaan inisiatif Food Basket Siswa Keluarga Malaysia.

Di UiTM Cawangan Johor, pelancaran inisiatif ini telah dilaksanakan pada 1 Disember 2022, bertempat di Medan Selera Sri Cempai oleh Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon. Turut hadir ke majlis pelancaran tersebut adalah Timbalan Rektor (HEP), Dr Basarudin Shah Basri. Yang Berusaha Rektor menyatakan, 'inisiatif ini sangat membantu meringankan beban siswa dan sisiwi daripada keluarga B40'. Usaha ini perlulah diselaraskan dengan aspek kawalan dan kecekapan pelaksanaan inisiatif. Hal ini kerana, pengusaha sejurnya akan menyerap kos yang berlebihan dengan tren kenaikan harga yang seolah-olah tiada penghujungnya. Tetapi dengan pengenalan menu-menu tertentu sahaja bagi inisiatif ini, diharapkan ia tidak menjelaskan pendapatan pengusaha. Semoga usaha ini dapat disempurnakan sebaik mungkin dan mampu dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar UiTM Cawangan Johor.



WARGA UiTM JOHOR PRIHATIN



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat UiTM Cawangan Johor.

- ➡ #UiTMDihatiku
- ➡ #UiTMJohorKampusSimfoniAlam
- ➡ #KeluargaUiTMJohor
- ➡ #UiTMJohorPrihatin

SESI DISKUSI PELUANG-PELUANG KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI, UiTM

Penulis : Siti Nordiyana Isahak

UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah mengambil beberapa inisiatif untuk meneroka bidang yang bukan menjadi fokus dan kepakaran utama kampus. Kehijauan dan sumber tersedia di UiTMCJ menjanjikan pulangan yang baik sekiranya diterokai. Beberapa projek penjanaan pendapatan telah mula dilaksanakan antaranya Projek Kebun Angkat Nanas Kerajaan Negeri Johor-MASMED UiTM dengan Kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Negeri Johor (LPNM), Projek Perniagaan Kelulut Laksamana Nektar, Projek Penanaman Durian Segar Amat dan sebagainya.

Sedar akan kekurangan kepakaran dan sumber modal insan dalam bidang ini, UiTMCJ perlu mengambil langkah segera bagi menutup setiap kekurangan yang ada. Tenaga kerja yang menguruskan projek-projek sebegini perlu dibekalkan dengan ilmu, kemahiran, inovasi, teknologi serta suntikan elemen penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memastikan kelangsungan projek memanfaatkan kampus. Oleh itu, pada 5 Disember 2022, Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr Saunah Zainon bersama Timbalan Pendaftar Kanan, En Mior Hishamuddin Ariffin, Koordinator Komunikasi Korporat, Datin Aryani Abdullah dan beberapa staf UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah mengadakan kunjungan ke Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin. Sesi yang dinamakan sebagai Sesi Diskusi Peluang-peluang Kerjasama Strategik membincangkan beberapa perkara serta jalinan kerjasama yang boleh diwujudkan antara UiTMCJ dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi.

Perjumpaan bersama Dekan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi Prof Ts Dr Azhan Hashim@Ismail telah membawa hasil apabila pihak fakulti bersetuju membantu UiTM Cawangan Johor dalam beberapa projek pertanian yang sedang diusahakan oleh UiTMCJ terutamanya dari sudut perkongsian ilmu pertanian, kepakaran, sumber tenaga melalui program usahasama dan sebagainya. Semoga usaha ini membantu UiTMCJ melangkah setapak lebih hebat dalam bidang ini.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada Unit Komunikasi Korporat UiTM Cawangan Johor.

FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI



WARGA UiTM JOHOR PRIHATIN



- ➡ #UiTMDihatiku
- ➡ #UiTMJohorKampusSimfoniAlam
- ➡ #KeluargaUiTMJohor
- ➡ #UiTMJohorPrihatin

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2023

BHEA

UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM CSR IHYA RAMADHAN

Penulis: Puan Elyazani binti Sarmani

Program corporate social responsibility (CSR) Ihya Ramadhan merupakan agenda tahunan Kelab Staf Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dalam menjalankan tanggungjawab sosial dengan mengadakan program kebajikan kepada masyarakat luar terutamanya anak-anak yatim, asnaf, pekerja-pekerja kontrak kebersihan dan balu kepada bekas staf UiTM Cawangan Johor. Di samping mendidik staf BHEA UiTM Cawangan Johor dengan sifat-sifat murni untuk bersedekah dan berkasih sayang sesama manusia. Program ini juga dapat membantu mereka yang kurang berkemampuan dengan sedikit sumbangan wang tunai dan barang keperluan makanan daripada staf BHEA sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri.



BHEA
BHEA
BHEA

Bagi tahun 2022,

Program CSR Ihya Ramadhan diadakan pada minggu terakhir Bulan Ramadhan 1443H. Pelbagai barang keperluan makanan disediakan seperti nasi impit, bijun, gula, susu, minyak, beras, kordial minuman dan lain-lain antara jenis makanan yang disumbangkan oleh staf BHEA untuk diberikan kepada penerima sumbangan.

Selain mampu meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan, program seumpama ini secara tidak langsung dapat menyemai sifat kasih sayang dan belas ihsan sesama manusia.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

BANTU MANGSA BANJIR, BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK (BHEA) LAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Penulis: Siti Fatimah binti Mohd Noh

Banjir merupakan salah satu bencana alam yang tidak dapat dielakkan. Bencana ini mampu meragut nyawa, memusnahkan harta benda, menjadikan sumber bekalan air bersih dan sebagainya. Sekitar Januari 2022, Daerah Segamat juga tidak terkecuali dilanda musibah alam ini. Tentunya warga UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) yang tinggal di kawasan rendah turut terjejas akibat bencana ini. Bagi meringankan beban kakitangan UiTMCJ, BHEA dengan kadar segera melancarkan Program Bantuan Banjir sebagai salah satu usaha melaksanakan tanggungjawab sosial bahagian ini. Dengan adanya bantuan ini, diharapkan sedikit sebanyak ia mampu meringankan beban warga UiTMCJ yang terjejas teruk akibat banjir.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



**BHEA
BHEA
BHEA**

Program ini bukan sahaja dapat mendidik kakitangan BHEA dengan sifat-sifat murni untuk berkasih sayang serta gotong-royong, malahan rumah-rumah kakitangan yang terjejas turut dibersihkan di samping bantuan seperti beras, makanan ringan, air bersih dan sebagainya turut dihulurkan. Justeru, secara tidak langsung jalinan ukhwah sesama warga dapat dikukuhkan sekaligus menanam sifat belas ihsan sesama manusia.

TRASH TO CASH JANA PENDAPATAN

Penulis: Nurul Najihah binti Abdul Kadir

Program *Trash to Cash* julung kali diadakan di UiTM Cawangan Johor pada 25 Oktober 2022 anjuran *SWM Environment*. BHEA telah turut serta dalam program ini di mana staf BHEA banyak menyumbangkan barang-barang terpakai seperti buku, majalah, kotak, peralatan elektrik, botol plastik dan lain-lain.

BHEA telah berjaya memperolehi tempat ketiga dengan gandingan bersama Pejabat Bendahari, Unit Kerjaya dan Kaunseling dan Unit Kokurikulum melalui pertandingan yang dianjurkan. Dengan kemenangan ini, kami telah menerima wang tunai sebanyak RM200.00 beserta sijil pemenang dan sijil penyertaan.



**BHEA
BHEA
BHEA**



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

Hasil daripada program ini, semua staf BHEA sedar akan pentingnya amalan kitar semula dalam kehidupan sehari-hari di samping dapat memelihara alam sekitar. Selain itu, melalui program ini juga dapat menyemai kasih sayang dan sifat belas ihsan terhadap bumi Allah S.W.T.

*Petang-petang menanam bunga,
Bunga ditanam cantik sekali,
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.*

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2023

BHEP

UiTM CAWANGAN JOHOR



JALINAN KASIH MAHASISWA UiTM CAWANGAN JOHOR DI FELDA PALONG TIMUR.

Penulis: Hussin bin Ab Mutalib

Program Jalinan Kasih Mahasiswa (Program Anak Angkat) UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) merupakan program yang dijalankan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UiTMCJ. Pelbagai aktiviti yang menarik telah dijalankan antaranya aktiviti keagamaan, pelbagai pertandingan, sukaneka, kebudayaan dan kesukarelawanan. Program ini telah berlangsung di Felda Palong Timur selama tiga (3) hari dua (2) malam pada 21- 23 Ogos 2022 melibatkan seramai 67 orang siswa dan siswi dari UiTMCJ dan 33 buah keluarga angkat.

Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, Negeri Johor telah merasmikan majlis yang turut dihadiri oleh Timbalan Rektor (HEP) dan Timbalan Rektor (PJI&A). Antara lain program ini mampu melatih dan memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu kepimpinan, kemasyarakatan, nilai kasih sayang dan dedikasi sekaligus dapat menabur bakti kepada masyarakat setempat. Melalui program ini juga, para pelajar dapat menguatkan semangat patriotisme yang akan memberikan manfaat jangka panjang kepada negara.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



PROGRAM JOM MASUK KAMPUNG KEMAS

Penulis: Hussin bin Ab Mutalib

Jom Masuk Kampung Kemas Negeri Johor di Kampung Mensudut Lama, Segamat merupakan sebuah program yang dijalankan oleh KEMAS Daerah Segamat dengan penglibatan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UiTM Cawangan Johor dan siswa siswi seramai 38 orang. Program ini berlangsung mulai 14-16 Oktober 2022. Selain memberi peluang melatih dan pendedahan yang baik kepada pelajar, program ini membantu pelajar untuk mengaplikasikan ilmu kepimpinan, kemasyarakatan, nilai kasih sayang dan dedikasi yang telah dipelajari serta menabur bakti kepada masyarakat setempat.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Zahari Sarip atas segala kerjasama dan bantuan kepada UiTM Cawangan Johor. Terima kasih juga kepada pihak KEMAS Daerah Segamat kerana bersama-sama dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UiTM Cawangan Johor dalam menjayakan program seperti ini. Secara keseluruhannya, pelajar didedahkan dengan kemahiran kepimpinan dan pengurusan sesuatu program yang lebih teratur kerana rata-rata peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



Program ini melibatkan beberapa buah kampung antaranya Kg. Parit Mustaffa, Pekan Parit Sulong, Kg Parit Sentang, Kg Parit Mohamad, Kg Parit Maimon dan Kg. Parit Pulai dalam kawasan Parlimen Parit Sulong dan telah berlangsung pada 4 November 2022. Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon, Rektor UiTMCJ dan Dr Basaruddin Shah bin Basri (TR HEP) telah turut serta menyantuni pelajar. Majoriti sepuluh (10) ahli keluarga pelajar yang diziarahi menerima baik kunjungan ini. Lawatan ini juga dapat membuka ruang kepada pengurusan tertinggi UiTMCJ untuk bertanya khabar dan memaklumkan kemudahan serta bantuan yang disediakan oleh UiTM kepada pelajar. Keadaan ekonomi keluarga pelajar kelihatan sederhana dan mencukupi.

PROGRAM ZIARAH KASIH SANTUNI MASYARAKAT DI PARIT SULONG

Penulis: Hussin bin Ab Mutalib

Sikap tolong-menolong dan prihatin terhadap warga yang kurang berkemampuan telah menjadi budaya kepada seluruh warga UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ). Memahami kesukaran hidup pelajar-pelajar dan keluarga mereka, Bahagian HEP mengambil inisiatif membantu mereka melalui pelancaran Program Ziarah Kasih yang memberi Sumbangan Bakul Makanan kepada keluarga pelajar UiTMCJ di sekitar Parit Sulong.



Kemudahan infrastruktur dan persekitaran tempat tinggal pelajar adalah memuaskan dan baik. Rata-rata keluarga yang diziarahi berterima kasih kepada UiTM yang banyak membantu memudahkan urusan pengajian anak-anak di UiTM.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



MAJLIS PENYERAHAN PERANTISISWA KELUARGA MALAYSIA

Penulis: Hussin bin Ab Mutalib

Majlis Penyerahan PerantiSiswa Keluarga Malaysia Peringkat UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah dipertanggungjawabkan kepada Bahagian HEP sebagai urusetianya. Simbolik majlis penyerahan kepada 15 orang siswa dan siswi telah diadakan di PTDI I pada 6 November 2022 oleh Yang Berusaha, Prof Madya Dr Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ). Turut hadir di majlis tersebut adalah Barisan Pengurusan Eksekutif Negeri UiTMCJ.

Pengagihan PerantiSiswa Keluarga Malaysia kepada UiTMCJ membabitkan pelajar di bawah kategori B40 yang pendapatan ibu bapanya tidak melebihi RM4,850 sebulan. Seramai 2,542 orang pelajar UiTMCJ Kampus Segamat telah mendapat manfaat daripada program ini. Peranti yang dibekalkan adalah sebuah tablet Samsung Galaxy Tab A8 LTE berserta aksesori dengan jaminan selama dua (2) tahun. Proses pengagihan perantisiswa berjalan dengan lancar dan tamat pengagihan pada jam 6.30 petang.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP UNIVERSITY FESTIVAL (UNIFEST)

Penulis: Hussin bin Ab Mutalib

University Festival (*UNIFEST*) telah berlangsung dengan jayanya mulai 1-3 Disember 2022 anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) dengan kerjasama Persatuan *Information Management and Record Community* (IMaRC). Pelbagai aktiviti menarik seperti *treasure hunt*, pertandingan malam festival, pembukaan gerai pameran dan jualan telah dilaksanakan. Sebanyak 80 buah kelab dan persatuan yang aktif berjaya membuka gerai pameran mereka di Dewan Sri Selasih.



Majlis Perasmian Penutup *University Festival (UNIFEST)* telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, Prof Madya Dr Saunah Zainon, Rektor pada 3 Disember 2022 bertempat di Glass House, bersebelahan Kafe Sri Cemperai. YBrs. Rektor dalam ucapannya amat menyambut baik inisiatif pengajuran program ini kerana memberi kesan yang baik dalam membentuk rasa percaya dan yakin akan kemampuan belia muda dalam mempersiapkan diri untuk menjadi bakal pemimpin kelak. Program ini juga seiring dengan semangat sukarelawan dalam diri setiap mahasiswa sejajar dengan usaha negara untuk melahirkan belia berkemahiran sosial melalui aktiviti kemasyarakatan. YBrs. Rektor telah mengadakan pertemuan dengan MPP di akhir majlis tersebut.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2
0
2
3

BPJI&A

UiTM CAWANGAN JOHOR

PENANAMAN CILI FERTIGASI MUSIM KEDUA

Penulis: Nur Atiqah Abd. Hamid

Pada tahun 2020, projek penanaman cili secara fertigasi telah berjaya dilaksanakan oleh Unit Keusahawanan MASMED, UiTM Cawangan Johor bersama Kelab MyAgrosis. Projek ini mendapat sumbangan dana dalam bentuk barang oleh FAMA Negeri Johor bernilai RM10,000. Melihat potensi dan penjanaan pendapatan yang diperolehi pada musim pertama, projek ini telah diteruskan lagi untuk penanaman musim kedua (2) bermula Oktober 2021 sehingga Februari 2022.

Objektif projek adalah untuk mewujudkan inkubator keusahawanan berdasarkan pertanian yang menyokong aktiviti keusahawanan pelajar selain membantu dalam pembangunan modal insan yang lebih mahir dan komprehensif. Sepanjang tahun 2022, ahli jawatankuasa telah berjaya membuat kutipan cili sebanyak 176 kg sepanjang 4 bulan projek tersebut berlangsung. Pada kitaran kali ini, kutipan hasil sedikit menghampakan apabila, pokok-pokok mula diserang penyakit dan tidak lagi berbaloi untuk diteruskan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

BPJI & A
BPJI & A
BPJI & A

5th DIGITALISED INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & DESIGN (DIIID) JOHOR 2022

Penulis: Nur Atiqah Abd. Hamid

Sejak 10 tahun yang lalu, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah menganjurkan Pertandingan Inovasi dan Reka Bentuk (IID) bermula di peringkat kebangsaan sehingga ke peringkat antarabangsa. Pada tahun 2018, UiTMCJ telah menempa sejarah apabila buat pertama kalinya di Malaysia penganjuran pertandingan IID dilaksanakan secara digital sepenuhnya. Usaha ini diteruskan lagi pada tahun ini, melalui penganjuran 5th Digitalised International Invention, Innovation & Design (DIIID) Johor 2022 dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor secara dalam talian.

Objektif DIIID Johor 2022 dianjurkan adalah untuk menyokong agenda utama profesion pendidikan dalam memartabatkan universiti digital di samping menggalakkan budaya inovasi dan kreatif dalam kalangan profesional, pelajar IPT dan pelajar sekolah dari pelbagai bidang. Pertandingan tersebut dianjurkan pada 20 Februari sehingga 30 Julai 2022 dan Majlis Perasmian Penutup dan Pengumuman Pemenang telah berlangsung pada 22 September 2022 dengan jayanya. Sebanyak 182 pasukan telah menyertai DIIID Johor 2022 terdiri daripada 13 pasukan dari luar negara dan 169 pasukan dari Malaysia. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Cik Norlizah binti Noh, Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

BPJI&A
BPJI&A
BPJI&A

7th INTERNATIONAL ACCOUNTING & BUSINESS CONFERENCE (IABC) 2022

Penulis: Nur Atiqah Abd. Hamid

International Accounting & Business Conference (IABC) merupakan konferensi akademik yang dianjurkan dua tahun sekali oleh UiTM Cawangan Johor. Tahun 2022 menyaksikan sekali lagi kejayaan penganjuran 7th IABC pada 8 hingga 10 September 2022 secara dalam talian. Objektif konferensi ini diadakan adalah sebagai landasan kepada para akademia bidang perakaunan dan pengurusan perniagaan untuk berkongsi serta berbincang perkara-perkara semasa sekaligus dapat mewujudkan jaringan dalam kalangan penyelidik dari universiti-universiti tempatan dan luar negara.

Terdapat enam (6) trek konferen yang dianjurkan iaitu Perakaunan, Kewangan dan Ekonomi, Kewangan Islam, Perbankan, Pengurusan dan Pemasaran serta Lain-lain. Pengucap tama yang dijemput ialah Encik Mohd Suhaimi Abdul Hamid iaitu CEO Standard Chartered Saadiq Berhad. Antara pengisian lain ialah Forum Perbincangan - Keseimbangan Sinergi di antara Industri dan Akademik yang yang disampaikan oleh panel Datuk Wira Aria Putera (CEO SME Bank) dan Puan Ruzi Rani Ajith (CEO CGS-CIMB). Sebanyak 63 penyertaan dari dalam dan luar negara telah diterima sepanjang konferensi tersebut berlangsung dengan jayanya.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.


BPJI&A
BPJI&A
BPJI&A

PROJEK KEBUN ANGKAT PENANAMAN NANAS MD-2 KERAJAAN NEGERI JOHOR – MASMED UiTMCJ

Penulis: Nur Atiqah Abd. Hamid

UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) melalui Unit Keusahawanan MASMED telah melaksanakan tanaman rintis nanas spesis MD-2 melalui Projek Kolaborasi Keusahawanan Kebun Angkat Penanaman Nanas UiTM Cawangan Johor – Kerajaan Negeri Johor – MASMED dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Negeri Johor dan Jabatan Pertanian Negeri Johor. Projek ini telah mendapat sumbangan daripada LPNM yang membekalkan sulur, Jabatan Pertanian Negeri Johor menyumbangkan benih pokok kelapa pandan, MASMED UiTM Shah Alam dan Kerajaan Negeri Johor melalui Pejabat Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor.

Melalui projek ini 20,660 sulur nanas telah ditanam dengan 100 pokok kelapa pandan ditanam sebagai tanaman selingan. Kebun ini terletak di kawasan lapang di belakang Kolej Sempana Alam Buana. Projek ini dilihat menjadi perintis kerjasama LPNM dan UiTMCJ bagi menjana pendapatan dan peluang pekerjaan untuk pelajar. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 2,177 biji nanas telah dikutip dengan berat keseluruhan 2,310 kg dan jualan Jus Nana's pula mencecah 510 botol.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

BPJI&A
BPJI&A
BPJI&A

SESI LIBAT URUS TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI & ALUMNI)

Penulis: Nur Atiqah Abd. Hamid

Sesi Libat Urus Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni) bersama semua pensyarah telah berlangsung di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat pada 14 Jun 2022 dan Kampus Pasir Gudang pada 30 Jun 2022. Sesi libat urus ini dianjurkan bagi menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni kepada semua pensyarah UiTM Cawangan Johor. Penyampaian maklumat yang efektif dan berkesan oleh Prof. Madya Dr. Saunah Zainon diharap dapat memberi kefahaman kepada semua pensyarah tentang kepentingan penyelidikan, inovasi, penerbitan, perundingan, jaringan industri & komuniti, keusahawanan, alumni dan *Special Interest Group (SIG)* dalam perjalanan karier sebagai seorang pensyarah di UiTM.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

BPJI&A
BPJI&A
BPJI&A

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2
0
2
3

BAHAGIAN PENTADBIRAN

UiTM CAWANGAN JOHOR

PENTADBIRAN

BENGKEL PENYEDIAAN KOLEKSI BERIBU-RIBU PANTUN UI TM DI HATIKU

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Binti Razali



Bengkel Penyediaan Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM di Hatiku ini merupakan sebuah program yang dianjurkan oleh Bahagian Pentadbiran pada 25 Mei 2022 (Rabu) bertempat di Bilik Seminar, Bangunan Sri Bendahara UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Bengkel ini disampaikan oleh Puan Zety Natamulia binti Alias, Kerani Kanan HEA dan dirasmikan oleh En Mior Hishamuddin bin Ariffin, Timbalan Pendaftar Kanan. Bengkel ini dianjurkan bagi melaksanakan Inisiatif Projek Buku Koleksi Beribu-Ribu Pantun UI TM Di Hatiku yang bertujuan untuk menghimpunkan pemikiran serta memori di UiTM yang akan disumbangkan oleh Keluarga UiTM yang terdiri daripada pensyarah, pentadbir, pelajar, alumni serta pesara. Selain itu, projek ini merupakan Projek Khas Pejabat Naib Canselor (VCOSP) UiTM.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

PENTADBIRAN

BENGKEL PENGGUNAAN SISTEM OFFICE AUTOMATION (OA)

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Binti Razali



Bengkel Penggunaan Sistem Office Automation (OA) telah diadakan pada 20 September 2022 (Selasa) secara dalam talian yang melibatkan 15 orang staf Pejabat Pentadbiran, UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Taklimat telah disampaikan oleh Puan Mimi Hasliah binti Mohd Shahari, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan. Bengkel ini diadakan bagi merealisasikan sistem yang diperkenalkan oleh UiTM untuk memudahkan pergerakan surat-menyurat. Pelaksanaan sistem dalam talian ini mampu mengurangkan penggunaan kertas (paperless). Selain itu, program sebegini juga memberi pengetahuan dan menambahkan kecekapan dalam pengendalian sistem teknologi maklumat serta memudahkan pengedaran surat-menyurat dari pejabat rektor ke bahagian-bahagian yang lain. Melalui bengkel ini, staf pentadbiran dapat meningkatkan kemahiran dalam pelaksanaan sistem Office Automation (OA).

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

PENTADBIRAN

KURSUS KEPIMPINAN KELUARGA MALAYSIA UiTM CAWANGAN JOHOR TAHUN 2022

Penulis : Nurulintan Shyazwaney Binti Razali



Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat dengan kerjasama oleh Kluster Kepimpinan Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengadakan Kursus Kepimpinan Keluarga Malaysia Peringkat UiTMCJ. Kursus ini telah diadakan pada 26 sehingga 28 Oktober 2022 bertempat di Kem Wawasan Negara Alor Gajah, Melaka yang melibatkan seramai 61 orang staf. Program ini memfokuskan aspek kepimpinan dengan memberikan pendedahan konsep Keluarga Malaysia. Matlamat program juga mengharapkan agar para peserta dapat mempraktikkan tiga (3) teras utama Keluarga Malaysia itu sendiri iaitu Keterangkuman (*inclusivity*), Kebersamaan (*common ground*) dan Kesukuran (*contentment*) dalam kehidupan.

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2
0
2
3

BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI

UiTM CAWANGAN JOHOR



SESI PENYERAHAN 'FOOD WASTE COMPOSTING MACHINE'.

Penulis : Maisarah Binti Murad

Pada 29 Ogos 2022, Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah menerima 1 unit mesin 'Food Waste Composting Machine' daripada pihak Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech) dan ditempatkan di Bangunan Sri Cemperai. Mesin pengkomposan sisa makanan ini mengandungi semua dalam satu yang boleh mengurangkan jumlah sisa makanan sehingga 80% dalam satu masa.



Mesin pengkomposan ini menguraikan semua jenis makanan dalam persekitaran aerobik menggunakan parameter terkawal seperti suhu, pergelakan dan aliran udara. Kompos dibenamkan dalam mesin penghancur yang direka khas, membantu menyingkatkan tempoh pengkomposan kepada hanya 24 jam. Mesin ini juga mempunyai pengudaraan yang canggih dan sistem penapisan bio-enzim yang nyah bau. Antara jenis sisa makanan yang dikompos dan terus menjadi baja adalah buah-buahan, sayur-sayuran, bijirin, tenusu, daging, ikan, ayam dan kulit telur.

Justeru itu, mesin ini telah mengeluarkan sebanyak 80 kg baja kompos dalam masa 3 bulan dan telah digunakan di tapak semaihan lanskap UiTM Cawangan Johor.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

AQUAHARVEST @ UiTM SEGAMAT

WEBINAR PELAKSANAAN DAN PERMULIHAN AIR (WATER HARVESTING)

KEMEN KESEDARAN
DIKALANGAN WARGA UiTM



TARIKH
26 OKTOBER 2022 (RABU)



MASA:
10.00 PAGI - 12.00 TENGAHARI



LIVE
WEBEX
(shorturl.eenzs)



Pendedahan dan pemahaman berkaitan kepentingan pemuliharaan air ini diharap dapat mewujudkan kesedaran serta menanamkan minat kepada warga kampus tentang pemuliharaan air. Sekaligus, peserta dapat mengaplikasikan pengetahuan dalam bentuk teori dan teknikal secara komprehensif. Bagi memahami teknik dan kebaikannya, pihak BPF telah memasang sistem tersebut di tandas berhampiran Dewan Sri Temenggong.

Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) ini merupakan antara kaedah penjimatan penggunaan air terawat dalam kehidupan sehari-hari di samping menjaga ekosistem alam sekitar.

WEBINAR PELAKSANAAN DAN PEMULIHARAAN AIR (WATER HARVESTING)

Penulis : Maisarah Binti Murad dan
Maznah Binti Salamin

Pada 26 Oktober 2022, Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) telah menganjurkan Webinar Pelaksanaan dan Pemuliharaan Air (Water Harvesting) bagi Kempen Kesedaran dalam kalangan warga UiTM. Rainwater Harvesting adalah teknologi yang digunakan untuk mengumpul dan menyimpan air hujan dari atas bumbung, permukaan tanah atau tadahan batu.

Seramai 332 orang peserta telah menyertai webinar ini yang diadakan secara dalam talian menggunakan medium Cisco Webex. Ceramah pertama, disampaikan oleh Ir. Ts. Dr. Baljit Singh Bhathal Singh, Pensyarah Kanan, dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UiTM Shah Alam dengan tajuk Kempen Kesedaran Pemuliharaan Air dalam kalangan warga UiTM. Manakala penceramah kedua disampaikan oleh Jurutera Kanan Projek Bessrain System (M) Sdn Bhd iaitu En. Umar Ashibli.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



Bagi menyatakan sokongan dan membantu memenuhi hasrat kerajaan terhadap kempen ini, Bahagian Pengurusan Fasiliti dengan kerjasama SWCorp Negeri Johor telah berjaya menganjurkan Program Penyerahan Tong Pengasingan pada 04 Ogos 2022 (Khamis) di Speaker' Corner, UiTMCJ, Kampus Segamat. Sempena program tersebut, pihak SWCorp Cawangan Segamat yang diwakili oleh En. Yugeswaran a/l Suyamprasagam telah menyerahkan empat buah tong berwarna mengikut klasifikasi pengasingan sebagai simbolik kempen untuk dijadikan amalan warga kampus.

Program ini turut dihadiri Prof. Madya Dr. Akmal Aini binti Othman yang menjalankan Tugas Rektor, Ahli JKEN UiTM Cawangan Johor dan juga staf UiTM Cawangan Johor.

MAJLIS PENYERAHAN TONG PENGASINGAN OLEH SWCorp NEGERI JOHOR.

Penulis: Masitah Binti Basri

SWCorp Negeri Johor telah memilih UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat sebagai lokasi pelaksanaan Kempen Pembitaraan Amalan 3R & Budaya Kebersihan di Pejabat Kerajaan bagi memenuhi Agenda Nasional Malaysia Sihat 2020 - 2030, Kementerian Kesihatan Malaysia. Salah satu agenda pelancaran kempen adalah penyediaan tong pengasingan untuk diagih kepada pejabat-pejabat kerajaan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

H TO CASH

WEBINAR SISA BUANGAN KEPADA BAHAN BERNILAI & PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN AMALAN 3R

KEMPEN KESEDARAN DIKALANGAN
WARCA UiTMTAJUH
10 Oktober 2022 (jumaat)MASA:
10.00 PACI - 12.00 TIENCABARIPLATFOM:
WEBEX

Penceramah jemputan, Prof. Madya ChM. Dr. Sabiha Hanim binti Saleh dari Fakulti Sains Gunaan, UiTM telah memulakan sesi program dengan tajuk "Sisa Buangan Kepada Bahan Bernilai" dan diikuti penceramah kedua, Encik Yugeswaran a/l Suyamprasagam, Pengurus SWCorp Cawangan Segamat dengan tajuk "Pengurusan Sisa Pepejal & Amalan 3R".

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran peserta seramai 195 orang iaitu lebih dari jumlah sasaran yang terdiri daripada staf UiTM, pelajar UiTM, pelajar sekolah, kakitangan SWCorp dan orang perseorangan.

RECYCLING PROGRAM FOR UNIVERSITY'S WASTE: TRASH TO CASH

Penulis: Masitah Binti Basri

Pada Rabu, 10 Oktober 2022, Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) dengan kerjasama UiTM Green Centre (UGC) UiTM dan SWCorp Negeri Johor telah menganjurkan *Recycling Program for University's Waste bertemakan Trash to Cash* khusus untuk warga UiTM dan pihak luar amnya termasuk kakitangan SWCorp.

Program yang diadakan secara dalam talian melalui medium Cisco Webex ini secara ringkasnya ingin memberi kesedaran tentang kepentingan kitar semula dalam kalangan warga UiTM di samping menyokong dasar Greenation UiTM dengan semangat cintakan kebersihan serta menjadikan amalan menjaga kebersihan sebagai satu tanggungjawab bersama.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2
0
2
3

BAHAGIAN INFOSTRUKTUR

UiTM CAWANGAN JOHOR

PROGRAM TREASURE HUNT: EXPLORE IT RACE 2022

Penulis: Nuraisyah Kamarun

Program Treasure Hunt: Explore IT Race 2022 telah dijalankan pada 3 Disember 2022 dengan penyertaan seramai 20 kumpulan pelajar. Ini merupakan program anjuran Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Pasir Gudang dengan kerjasama Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI) sebagai salah satu program bagi menggalakkan warga kampus untuk terus kekal sihat di samping dapat meneroka persekitaran kampus, memanfaatkan kemudahan ICT yang disediakan oleh pihak universiti dan mengetahui serba sedikit fungsi setiap bahagian yang terdapat kampus. Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan sesama warga kampus.

Program bermula jam 8.00 pagi dengan pendaftaran peserta serta minum pagi. Penerangan ringkas telah diberikan oleh En. Mohd Nazri Khalid, selaku Ketua Program. Program diteruskan dengan aktiviti pertama iaitu membalut seorang peserta bagi setiap kumpulan untuk dijadikan mumia dan markah kekemasan akan diambil pada penghujung program. Terdapat tujuh (7) check point perlu dilengkapkan oleh semua kumpulan beserta dengan setiap tugas yang perlu diselesaikan pada setiap check point. Program ini berakhir pada jam 1.00 tengahari dengan majlis penutup serta penyampaian hadiah dan sijil kepada setiap peserta.

INFOSTRUKTUR
INFOSTRUKTUR
INFOSTRUKTUR



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

ICT TRAINING FOR TEACHER

Penulis: Nuraisyah Kamarun

Program *Information & Communication Technology 'Training for Teacher'* merupakan anjuran oleh Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Pasir Gudang dengan kerjasama Unit Kerjaya dan Kaunseling sebagai salah satu program khidmat masyarakat antara UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang bersama Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang.

Kursus ini terbuka kepada guru dan jabatan yang berminat untuk menambah ilmu pengetahuan berkenaan teknologi terkini. Selain itu, program ini juga memberi pendedahan dan menambah pengetahuan mengenai *Microsoft Office Word, Excel* serta penghasilan video menarik dalam dokumen kerja yang lebih kreatif dan menarik.



**INFOSTRUKTUR
INFOSTRUKTUR
INFOSTRUKTUR**



**INFOSTRUKTUR
INFOSTRUKTUR
INFOSTRUKTUR**

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

Kursus ini dibiayai sepenuhnya daripada yuran penyertaan peserta dan telah berlangsung pada 27 Jun 2022 dengan penyertaan seramai 19 orang peserta bertempat di Makmal Komputer, Perpustakaan Tun Dr Ismail. Bermula pada jam 8.00 pagi dengan pendaftaran peserta dan minum pagi. Sibus pertama adalah *Microsoft Excel Intermediate* yang disampaikan oleh Puan Nurul Azida Abd Razak, ketua program selaku penceramah pertama. Seterusnya, sibus *designing* menggunakan *Microsoft Word* oleh Encik Sazali Selamat menjadi sibus kedua yang disampaikan. Manakala sibus terakhir adalah mencipta video menarik menggunakan aplikasi di telefon bimbit disampaikan oleh Puan Nuraisyah Kamarun. Majlis perasmian dan penyerahan sijil penyertaan dilaksanakan oleh Dr Siti Khadijah binti Alias sebagai Pemangku Penolong Rektor ketika itu. Secara keseluruhan program ini berjalan dengan baik dan lancar.

PROJEK MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR RANGKAIAN WIRELESS BILIK KULIAH DI UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT

Penulis: Mimi Hasliah Mohd Shahari

Pada 25 Ogos 2022, Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat telah diamanahkan untuk melaksanakan Projek Naiktaraf Sistem Rangkaian Wireless Bilik Kuliah menggunakan peruntukan kumpulan wang pendapatan. Projek ini melibatkan pemasangan inventori sistem rangkaian wireless sebanyak 109 unit wireless access points, 13 unit workgroup switch dan kerja-kerja pendawaian 172 node rangkaian.

INFOSTRUKTUR
INFOSTRUKTUR
INFOSTRUKTUR



Hasil daripada pelaksanaan projek ini, keluasan liputan akses wireless telah meningkat dari 12 peratus kepada 69 peratus, seterusnya meningkatkan kebolehgunaan kemudahan *bandwidth* dari purata 200 Mbps kepada 480 Mbps. Lokasi tambahan liputan wireless ini melibatkan lokasi Blok Ilmuan, Usahawan, Cendekiawan, Karyawan, Sri Laksamana dan Kolej Kediaman Nilam.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

Buat pertama kalinya projek ini menggunakan teknologi baharu di mana, sistem kawalan peralatan (*Controller*) dilaksanakan berasaskan awan (*Cloud based*). Peralatan ini dinamakan *Engenius* dan ia adalah teknologi yang didatangkan dari Taiwan. Produk ini dilihat sebagai alternatif yang baik dari segi teknologi dan komprehensif dari segi harga berbanding produk sebelum ini.

INFOSTRUKTUR
INFOSTRUKTUR
INFOSTRUKTUR

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2
0
2
3

PEJABAT BENDAHARI

UiTM CAWANGAN JOHOR

BENDAHARI

TAKLIMAT PENGURUSAN TABUNG AMANAH UiTM

Penulis : Nurmalaawati Bahrudin

Pada 13 April 2022, satu sesi taklimat berkaitan pengurusan Tabung Amanah Universiti telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat. Taklimat yang bermula pada pukul 9.00 pagi itu telah dihadiri oleh setiausaha-setiausaha dan wakil pengurusan setiap tabung amanah yang wujud dalam kampus. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohamed Affendy Mansor yang juga merupakan Timbalan Bendahari UiTMCJ. Pelbagai maklumat dan panduan telah dikongsi oleh beliau agar pengurusan setiap tabung amanah dilaksanakan mengikut tatacara dan Akta Amanah setiap tabung.



Objektif

1. Memastikan setiap urusetia terutamanya setiausaha setiap tabung amanah cakna dan faham setiap tatacara dan aturan dalam Akta Amanah masing-masing.
2. Menjelaskan tugas dan kuasa bagi setiap ahli jawatankuasa setiap tabung amanah.
3. Menerangkan proses dan perjalanan kelulusan bagi permohonan menggunakan peruntukan dari setiap tabung amanah.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

HARI KELUARGA KECIL PEJABAT BENDAHARI 2022

Penulis : Mohd Fared Mohamad Said

Pada 27 hingga 28 Mei 2022 yang lepas, Hari Keluarga Kecil Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat telah diadakan bertempat di Puteri Qashrina Chalet, Melaka. Sambutan tersebut telah disertai oleh hampir semua warga Pejabat Bendahari UiTMCJ Kampus Segamat bersama ahli keluarga masing-masing. Beberapa warga tidak dapat menghadiri akibat kekangan masa dan hal yang tidak dapat dielakkan.



Hari Keluarga yang bertemakan warna oren tersebut adalah bagi menghargai staf serta meluangkan masa bersama keluarga-keluarga staf. Antara aktiviti yang diraikan semasa acara berlangsung termasuklah aktiviti sukaneka, majlis keraian penghargaan staf serta jamuan makan malam yang juga diadakan dalam kawasan penginapan tersebut.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

LAWATAN PENANDAARASAN PEJABAT BENDAHARI

Penulis : Umi Kalsom Hj Kamis

Lawatan Penandaarasan Pejabat Bendahari telah diadakan pada 18 hingga 19 Julai 2022 bagi membuat semak imbang pengurusan dan pengoperasian pejabat bendahari. Lawatan tersebut telah dilaksanakan di dua kampus UiTM iaitu di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka dan UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban 3. Lawatan tersebut telah disertai oleh semua staf pejabat bendahari yang dibahagikan kepada dua lokasi kampus. Ini memberi peluang kepada semua staf agar setiap dari mereka mendapat input dan pengalaman di luar kampus berkaitan pengoperasian pejabat.



Skop lawatan penandaarasan adalah bagi memastikan setiap unit dan operasi pejabat bendahari adalah yang terbaik tanpa melangkau peraturan tatacara sedia ada. Ini termasuk berkaitan pengurusan harta benda, kaunter pelanggan, pengurusan peruntukan, perolehan dan bayaran serta pengurusan dokumen kewangan.


Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

BENDAHARI

EKSA : GOTONG-ROYONG DOKUMEN PEJABAT BENDAHARI

Penulis : Saiyidah Syafiqah Mutahar

Pada 10 Ogos 2022, aktiviti gotong-royong bagi penyisihan, penyusunan dan pembersihan segala jenis dokumen pembayaran, perolehan, perakaunan, hasil, pentadbiran dan lain-lain yang berkaitan bagi UiTM Cawangan Johor (UITMCJ), Kampus Johor Bahru bagi tahun 2007-2016 dan UITMCJ, Kampus Pasir Gudang bagi tahun 2014-2018 telah diadakan. Gotong royong ini dilaksanakan di bawah Jawatankuasa EKSA Pejabat Bendahari bermula 10 Ogos 2022 setiap rabu atau khamis setiap minggu. Tarikh selesai gotong royong pada 5 Oktober 2022. Gotong royong bermula dengan menggunakan kaedah kitaran 5S iaitu sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal. Tatacara penyusunan adalah seperti berikut:



1. Sisih dengan mengasingkan dokumen Kampus JB & PG.
2. Susun dokumen dengan keluarkan dari fail, ikat dokumen dan masukkan ke dalam kotak arkib.
3. Sapu dengan penyusunan rak dan ruang untuk susun kotak arkib.
4. Seragam dengan merekod senarai dokumen yang telah faikan di kotak arkib. Tujuan untuk memudahkan carian dan pelupusan dokumen
5. Sentiasa amal dengan memastikan bersama semua dokumen masing-masing di faikan & arkib dalam keadaan teratur, kemas & bersih bagi tindakan dimasa akan datang.

PERKONGSIAN

KERJA-KERJA PENYISIHAN, PENYUSUNAN DAN PEMBERIERSIHAN SEGALA JENIS DOKUMEN PEMBAYARAN, PEROLEHAN, PERAKAUNAN, HASIL, PENTADBIRAN DAN LAIN-LAIN BERKAITAN BAGI UTILITY JOHOR KAMPUS JOHOR BAHRU 2007-2016 DAN UTILITY KAMPUS PASIR GUDANG 2014-2018

SEBELUM



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

JALAN-JALAN INGIN TAHU

Penulis : Naruleain Ahmad

Pada 25 September 2022 yang lepas, satu sesi lawatan santai 'Jalan-Jalan Ingin Tahu' yang diketuai oleh Encik Mohamed Affendy Mansor, Timbalan Bendahari UiTM Cawangan Johor telah diadakan di sekitar Kampus Segamat. Tujuan lawatan adalah meninjau secara rawak situasi pengurusan dan penggunaan harta benda UiTM di sekitar lokasi terpilih terutama bangunan pejabat dan bilik-bilik penempatan staf akademik.

Hasil lawatan mendapati terdapat beberapa lokasi dijadikan kawasan pengumpulan harta rosak tanpa kebenaran. Unit Pengurusan Harta Benda UiTMCJ, Kampus Segamat yang turut serta dalam lawatan tersebut telah mengambil perhatian yang sewajarnya dengan menandakan lokasi bagi tujuan makluman kepada pegawai bertanggungjawab untuk tujuan pengosongan kawasan mengikut tatacara yang sewajarnya.



Objektif

1. Meninjau situasi pengurusan harta benda UiTM di sekitar Kampus.
2. Merancang pemeriksaan penggunaan harta benda UiTM agar tidak berlaku kecuaian dan ketirisan.
3. Meninjau kecaknaan warga kampus berkaitan tanggungjawab terhadap harta benda UiTM.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

KETUK-KETUK KONGSI REZEKI 3.0

Penulis : Haryati Ibrahim

Program Ketuk-ketuk Kongsi Rezeki (KKKR) 3.0 ini ialah siri ketiga program KKKR bagi tahun 2022 telah dilangsungkan dengan jayanya pada 2 Disember 2022. Program yang dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Islam (HEI) ini, akan melibatkan kerjasama dengan beberapa bahagian dan fakulti. Bagi siri KKKR 3.0 kali ini ialah gabungan antara staf Pejabat Bendahari bersama staf dan pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia. Peruntukan sebanyak RM500 dan kutipan sumbangan dari staf FKK digunakan sebagai perbelanjaan program ini. KKKR 3.0 kali ini telah memilih menu Nasi Ambeng untuk dimasak bersama dan diberikan kepada pelajar-pelajar kampus sebelum solat Jumaat.

The poster features the logo of Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor Campus Pasir Gudang. It includes text in Malay: "DARI PUSAT ISLAM PROGRAM KEJURUTERAAN KIMIA DAN PEJABAT BENDAHARI", "KETUK-KETUK KONGSI REZEKI 3.0", "PUSAT ISLAM 2 DISEMBEN 2022 JUMAAT 11.45 PAGI", "DIJEMPUT MAHASISWA/MAHASISWI HADIR", and "SEBARANG PERTANYAAN : UNIT HAL EHWAL ISLAM USTAZAH AZIZAH/USTAZ AFIQ/UST NAQIB 073818038/8050/8051".



Tujuan program ini untuk membantu pelajar-pelajar dengan memberi sumbangan makanan dan dijalankan sebulan sekali pada hari Jumaat. Program yang dijalankan pada 02 Disember 2022 telah mencapai sasaran apabila seramai hampir 500 orang pelajar telah dapat menjamu selera bermula jam 11.30 pagi sehingga selesai solat Jumaat. Impak ketara yang diperolehi dari program ini ialah apabila pelajar dapat menikmati rezeki yang enak pada tengahari tersebut dan petugas-petugas dapat mengeratkan hubungan ketika bekerjasama memasak, menghidang makanan dan membersihkan peralatan serta tempat program. Program sebegini diharap dapat diteruskan setiap bulan kerana ia sebuah program yang sangat bermakna dengan impak yang positif kepada warga kampus.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2
0
2
3

UNIT HAL EHWAL ISLAM

UiTM CAWANGAN JOHOR

KETUK-KETUK KONGSI REZEKI 3.0

Penulis: Azizah Md Kasah



Pusat Islam, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) Kampus Pasir Gudang dengan kerjasama Pusat Kejuruteraan Kimia dan Pejabat Bendahari telah bertanggungjawab melaksanakan Program Ketuk-ketuk Kongsi Rezeki 3.0 bagi bulan Disember. Program yang diadakan pada 2 Disember 2022 ini, telah memanfaatkan hampir 500 orang mahasiswa/mahasiswi di kampus. Dilaksanakan di Pusat Islam, antara lain objektif utama program ini adalah membantu meringankan beban kepada pelajar serta berkongsi rezeki dalam pelbagai aspek.

Program bermula pada 1 Disember 2022 melibatkan aktiviti gotong royong persiapan tempat dan kemuncak pengagihan rezeki pada 2 Disember 2022. Penglibatan petugas terdiri daripada pensyarah, staf dan pelajar dari Pusat Kejuruteraan Kimia, Pejabat Bendahari dan Unit Hal Ehwal Islam seramai 70 orang. Program turut melibatkan ketua-ketua bahagian yang menyumbang tenaga, masa dan kewangan untuk manfaat pelajar-pelajar. Terima kasih Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia Puan Noorhaliza binti Aziz, Penolong Bendahari Puan Haryati Binti Ibrahim dan Pegawai hal Ehwal Islam, Ustazah Azizah binti Md Kasah.

UHEI

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

MAJLIS SERAHAN PROGRAM ZAKAT THCSR 2022

Penulis: Azizah Md Kasah

Pada 3 Disember 2022, Tabung Haji Negeri Johor telah mengadakan Majlis Serahan Program Zakat THCSR 2022 sempena Sambutan Maulidur Rasul bertempat di Masjid Taman Bukit Mutiara, Johor Bahru. UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang telah dijemput menghadiri majlis tersebut. Seramai 3 orang wakil dari UiTM yang diketuai oleh Penolong Rektor, Yang Berusaha Dr Haryana Mohd Hairi, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Ustazah Azizah Md Kasah dan Penolong Bendahari, Puan Haryati Ibrahim.

Majlis diadakan khusus untuk menyumbangkan zakat korporat kepada institusi terpilih. Penerima manfaat adalah dari kalangan mahasiswa/mahasiswi seramai 309 orang pelajar dengan nilai sumbangan sebanyak RM15,450.00. Majlis telah berlangsung bermula jam 7.30 pagi dan berakhir pada jam 11.30 pagi.

Majlis telah dirasmikan oleh Pengarah Tabung Haji Negeri Johor, Tuan Haji Abu Shukor bin Jangga. Manakala Ceramah Maulidur Rasul 1444H pula telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Hanafi Bin Abd Rahman dari Jabatan Pendidikan Negeri Johor.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

KULIAH TITIAN ILMU SEMESTER OKTOBER 2022-FEBRUARI 2023

Penulis: Luqmanul Hakim Bin Zaharullah



UHEI

Kuliah Titian Ilmu Semester Oktober 2022-Februari 2023 yang dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) telah dilaksanakan bertempat di Masjid As-Syakirin UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat. Program ini diadakan setiap minggu pada setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu bermula selepas solat fardhu maghrib sehingga waktu Isyak. Kuliah Titian Ilmu ini terbuka kepada semua warga UiTMCJ, Kampus Segamat. Bimbingan dan kefahaman ilmu agama dalam program ini disampaikan oleh staf UHEI, pensyarah ACIS dan pensyarah daripada pelbagai fakulti. Objektif dalam program ini ialah membimbing warga UiTM untuk memahami dan mengamalkan kehidupan seharian berlandaskan ajaran Islam yang Syumul. Program ini mendapat kerjasama yang baik daripada warga kampus dengan penglibatan yang amat memberangsangkan sepanjang program diadakan. Semoga semangat cintakan ilmu dan menghidupkan Rumah Allah (Masjid) akan sentiasa berkekalan dalam diri setiap warga UiTM.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

KULIAH TITIAN ILMU SEMESTER OKTOBER 2022-FEBRUARI 2023

Penulis: Luqmanul Hakim Bin Zaharullah

Program Lafazkan Kalimah Cinta 1444H/2022M Peringkat UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat anjuran Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dan Pejabat Kadi Daerah Segamat, telah berlangsung dengan jayanya pada 4 Julai 2022 yang lalu. Majlis perasmian penutup telah diadakan pada hari yang sama bertempat di Dewan Kuliah (DK1), Blok Karyawan dengan penglibatan sekitar 40 orang warga kampus. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Akmal Aini Othman, Timbalan Rektor HEA yang Menjalankan Tugas-tugas Rektor UiTMCJ bersama-sama Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Manakala As-Sheikh Tuan Haji Mohd Fauzi Bin Bachok, Kadi Daerah Segamat merupakan penceramah jemputan bagi slot ceramah. Objektif program ini bertujuan memahami konteks kerukunan rumah tangga yang lebih ideal dan segar agar sistem pengurusan rumah tangga yang diamalkan dapat dipelbagaikan variasinya. Hal ini dapat memastikan sesebuah perkahwinan itu lebih bahagia dan sempurna sesuai dengan tajuk program Lafazkan Kalimah Cinta.

UHEI



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

MINGGU KASIH RASULULLAH SAW 1444H / 2022M PERINGKAT UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT

Penulis: Rafiuddin bin Mohd Yusof



UHEI

Telah berlangsung dengan jayanya Minggu Kasih Rasulullah SAW 1444H/2022M Sempena Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat anjuran Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) pada 21 November hingga 24 November 2022 yang lalu. Majlis kemuncak telah diadakan pada 24 November 2022 iaitu hari Khamis bertempat di Masjid As-Syakirin, UiTMCJ, Kampus Segamat dengan penglibatan sekitar 200 orang warga kampus yang hadir. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Berusaha Rektor, Prof Madya Dr. Saunah Zainon bersama-sama Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Ustaz Mohamad Khalil Razak atau lebih dikenali sebagai Ustaz Tido selaku penceramah jemputan. Objektif program ini bertujuan menerapkan penghayatan dalam mengingati kelahiran junjungan besar Rasulullah SAW. Selain itu, program ini dapat mengukuhkan hubungan silaturrahim dalam kalangan warga kampus itu sendiri.


Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

DAURAH FIQH WANITA BERSIRI (KITAB TANWIR AL MASALIK JILID 1)

UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT

Penulis: Siti Fatimah Abd Talib

Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat telah menganjurkan Program Pengajian kitab bersanad Daurah Fiqh Wanita dengan menggunakan Kitab Tanwir Al-Masalik Jilid 1 iaitu kitab fiqh Mazhab Syafie karangan Syeikh Dr. Mustafa Al-Bugha. Program ini diadakan secara bersiri pada setiap hari Isnin jam 10.30 hingga 11.30 pagi dan terbuka kepada kakitangan wanita sahaja. Pengajar bagi Daurah ini ialah Ustazah Nourul Iman bt Sheikh Niamat. Antara objektif pengajian program ini adalah merungkaikan persoalan berkaitan ilmu fiqh bagi wanita supaya dapat memahami dengan lebih khusus serta jelas dan sebagai medan perbincangan terhadap kemusykilan agama. Sebanyak 12 siri dapat dijalankan dalam tahun 2022 bermula pada bulan Ogos hingga Disember. Insya Allah Daurah ini akan diteruskan lagi pada tahun hadapan sehingga khatam kedua-dua jilid kitab ini.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

UHEI

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2
0
2
3

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UiTM CAWANGAN JOHOR



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



STANDARD CHARTERED SINGAPORE MARATHON (SCSM) 2022

Penulis: Iqlil Dhania Mohamad

Pada 4 Disember 2022 seramai 160 orang pelajar dari UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang bersama seorang pegawai pengiring telah dijemput untuk menyertai Program *Standard Chartered Singapore Marathon* (SCSM) 2022 sebagai sukarelawan. Program yang dianjurkan oleh *IRONMAN Asia* dengan sokongan dari Kerajaan Singapura ini memberikan pendedahan berskala antarabangsa kepada pelajar selain pihak universiti menerima sejumlah RM1,000.00 untuk setiap 80 orang pelajar yang dihantar untuk bertugas sepanjang program berlangsung.

Selain itu, program ini juga mampu membina hubungan yang baik dengan industri dan melatih daya pengurusan, kemahiran komunikasi serta menanam kepentingan budaya bersukan dalam kalangan pelajar. Diharapkan program-program seperti ini terus mendapat sokongan memandangkan ia menjadi nilai tambah yang sangat baik bagi mengasah kemahiran insaniah para pelajar.





PAMERAN AKADEMIK SEMPENA HARI BELIA NEGARA PERINGKAT NEGERI JOHOR

Penulis: Iqlil Dhania Mohamad

Pada 28 Oktober 2022, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor UiTMCJ, Kampus Segamat telah menyertai pameran bersempena dengan sambutan Hari Belia Negara, Peringkat Negeri Johor 2022 yang bertempat di Dataran Tanjung Emas, Muar. Program ikonik Kementerian Belia dan Sukan yang diadakan saban tahun ini dibanjiri puluhan ribu belia seluruh Negeri Johor bagi menghadiri gerai yang disediakan termasuklah gerai UiTMCJ.

Program yang dirasmikan oleh Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi ini turut disertai universiti awam lain. Seperti kebiasaan, UiTMCJ akan berkongsi tarikh-tarikh penting berkenaan kemasukan ke universiti, syarat-syarat kelayakan dan sebagainya bersama pengunjung booth selain memberikan sedikit buah tangan untuk dibawa pulang.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat tidak akan melepaskan peluang ini untuk menyertai program bagi membantu sekolah-sekolah yang berjiran dengan kami dalam menyampaikan maklumat berkenaan kursus-kursus yang ditawarkan di sini. Pada 29 Oktober 2022 yang lalu, UiTMCJ telah menyertai Hari Koku Sukses di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kenangan untuk membuka Pameran Akademik pada program yang bermula sejak jam 8 pagi itu. Seramai 3 orang kakitangan turun padang bagi memberi penerangan serta pemahaman buat lebih kurang 100 orang pelajar Tingkatan 5 sekolah tersebut.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

Tahun 2022 bakal melabuhkan tirai kurang 65 hari sahaja lagi, seperti kebiasaannya sekolah-sekolah seluruh Malaysia akan menganjurkan Hari Kantin, Hari Kokurikulum dan sebagainya menandakan hujung tahun bakal tiba. Tidak terkecuali sekolah di sekitar Bandar Segamat yang turut sama menganjurkan sambutan-sambutan tersebut dan Pameran Akademik adalah antara salah satu program dalam tentatif yang akan diselitkan bagi memberi sedikit input buat pelajar-pelajar Tingkatan 5 dan 6 yang bakal melangkah ke alam universiti tidak lama lagi.

PAMERAN AKADEMIK DI SEKOLAH SEKITAR SEGAMAT

Penulis: Iqlil Dhania Mohamad




Keesokan harinya pada 30 Oktober 2022, pihak kami ke Sekolah Tinggi Segamat setelah mendapat jemputan untuk menyertai Pameran Akademik sempena Hari Keusahawanan pula. Seramai lebih kurang 100 orang pelajar Tingkatan 5 dan 6 diberi penerangan berkenaan hala tuju setelah tamat sekolah kelak. UiTM sentiasa ingin dekat dihati para pelajar sekaligus, menyumbang dalam membina modal insan negara di masa hadapan.

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2
0
2
3

POLIS BANTUAN

UiTM CAWANGAN JOHOR



TAKLIMAT KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Penulis: Khaeyrulraquib bin Mohd Sahir

Pada 16 Mac 2022, Unit Polis Bantuan Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan Taklimat Kesedaran Keselamatan Perlindungan bermula jam 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi secara dalam talian dengan menggunakan platform Cisco Webex. Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Khazrul Azli bin Mohd Saat, Penolong Pengarah Keselamatan Kerajaan Negeri Johor dan ASP/PB Khaeyrulraquib bin Mohd Sahir, Pegawai Keselamatan UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang selaku moderator program.

Antara objektif program ini adalah memastikan semua penjawat awam yang berkhidmat di UiTMCJ mempunyai kesedaran dalam aspek keselamatan perlindungan. Di samping itu, program ini juga dapat meningkatkan kesedaran kepada majikan dan pekerja bagi memberikan sepenuh komitmen dalam menjaga kualiti keselamatan perlindungan di jabatan-jabatan kerajaan.

Seramai 304 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja UiTMCJ telah hadir dengan jayanya. Hasil daripada taklimat yang telah dilaksanakan para peserta memberi maklumbalas yang positif terhadap isi kandungan taklimat oleh penceramah. Selain itu, para peserta juga mencadangkan supaya program dan taklimat seperti ini perlu dilaksanakan lagi dengan membuat kursus lanjutan yang lebih khusus. Unit Polis Bantuan UiTMCJ, Kampus Pasir Gudang selaku penganggar bercadang akan melaksanakan program ini secara bersemuka pada masa akan datang dalam bentuk kursus dan bengkel.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

BENGKEL KHIDMAT PELANGGAN

Penulis: Mohd Khirul Izam bin Tusiran

Pejabat Polis Bantuan telah menganjurkan Bengkel Khidmat Pelanggan Polis Bantuan sebanyak tiga (3) siri, iaitu pada 28 Februari 2022, 09 Mac 2022 dan 22 Mac 2022 dari jam 08.00 pagi sehingga 01.00 petang di Bilik Seminar PTDI 1, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

Seramai 29 orang peserta yang terdiri daripada staf Pejabat Polis Bantuan telah hadir menyertai bengkel tersebut. Bengkel Khidmat Pelanggan dikendalikan oleh tiga (3) orang staf Pejabat Polis Bantuan yang telah selesai menjalani kursus *Training of Trainer* – Khidmat Pelanggan Polis Bantuan di ILD Enstek Nilai, Negeri Sembilan anjuran Ibu Pejabat Polis Bantuan pada Disember 2021 dan Februari 2022 yang lalu.

Objektif bengkel diadakan untuk memantapkan kemahiran komunikasi peserta ketika berhadapan atau berurusan dengan pelanggan serta memberi pendedahan bagaimana kemahiran mengendalikan dan menangani aduan serta rungutan pelanggan yang bermasalah dengan lebih berkesan.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

LATIHAN KAWAD KAKI BULANAN ANGGOTA PEJABAT POLIS BANTUAN

Penulis: Zarina binti Abdol Wahab

Latihan kawad kaki diadakan pada bulan Julai 2022 dan Ogos 2022. Sebanyak 6 siri latihan telah dilaksanakan. Latihan setiap siri dihadiri seramai 10 orang anggota Pejabat Polis Bantuan secara bergilir mengikut jadual yang telah ditetapkan. Objektif latihan kawad kaki diadakan untuk mewujudkan disiplin, di samping melatih dan mengingat semula tatacara pergerakan kawad. Latihan kawad juga boleh meningkatkan stamina, fokus dan semangat kerjasama berpasukan serta membina keterampilan diri yang baik dalam membentuk kekuatan mental dan fizikal.

Latihan ini diajar oleh jurulatih bertauliah daripada staf Pejabat Polis Bantuan iaitu Mohd Hariz bin Ramdan yang telah menjalani latihan jurulatih kawad pada 6 hingga 13 Mac 2022 di ILD Kampung Gajah Perak, anjuran Ibu Pejabat Polis Bantuan, UiTM Shah Alam.




Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.



PROGRAM WALK FOR FUN & FUN GAME

Penulis: Basyirah binti Yusof



Pada 29 September 2022, bermula jam 8.00 hingga 11.00 pagi, Pejabat Polis Bantuan telah berjaya menganjurkan program *Walk For Fun & Fun Game* di parkir Halfmoon PTDI 1 UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat. Program ini telah disertai oleh 111 orang staf UiTMCJ terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran. Antara lain, objektif utama program adalah menjaga kesihatan dan meningkatkan stamina dalam kalangan staf di samping mengeratkan ukhwah serta ikatan silaturahim antara staf pentadbiran dan staf akademik.

Program dimulakan dengan pendaftaran peserta dan serahan makanan. Semua peserta membuat aktiviti regangan sebelum berjalan sejauh 5 kilometer di sekitar kawasan kampus. Program diakhiri dengan aktiviti *fun game* dan penyampaian hadiah. Kerjasama antara sesama staf tanpa mengira pangkat dan jawatan dapat dilihat sepanjang aktiviti berjalan. Bilangan penyertaan juga amat menggalakkan. Secara keseluruhannya, program *Walk For Fun & Fun Game* telah berjaya mencapai matlamat dan objektifnya.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2
0
2
3

UNIT PENGURUSAN KUALITI

UiTM CAWANGAN JOHOR

KUALITI

AUDIT PENILAIAN LUAR iQMS InQKA & BPPA UiTM CAWANGAN JOHOR 2022

Penulis : Siti Rahayu Sarman dan Noor Aien Md. Yusof

Penilaian Luar iQMS Kitaran 6/2022 di UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah diadakan pada 29 November 2022 sehingga 1 Disember 2022. Audit dijalankan bertujuan memastikan UiTMCJ melaksanakan program akademik mengikut keperluan yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pihak InQKA juga telah bekerjasama dengan Bahagian Pentaksiran & Penilaian Akademik (BPPA) yang menyertai aktiviti penilaian luar ini sebagai Penaksir Pemantauan Kualiti Berterusan. Seramai 5 orang panel penilai iQMS dan 2 orang Penaksir BPPA telah membuat semakan 6 program akademik iaitu BA114, BA251, BA252, AC110, IM110 dan LG120.



Mesyuarat Pembukaan telah diadakan pada 29 November 2022 jam 9.00 pagi manakala Mesyuarat Penutup pada 01 Disember 2022 jam 12.00 tengahari di Bilik Mesyuarat Utama yang dipengerusikan oleh Yang Berusaha Rektor, Prof. Madya Dr. Saunah Zainon. Sesi temubual bersama staf dan pelajar, semakan dokumen dan lawatan tapak telah dilaksanakan oleh panel penilai sepanjang 3 hari tempoh pelaksanaan audit. Mesyuarat Penutup oleh panel penilai luar telah membentangkan 37 Commendation, 11 Affirmation dan 5 Area of Concern untuk Audit iQMS InQKA manakala panel penaksir BPPA membentangkan skor 93.31% (Cemerlang) untuk keseluruhan Audit BPPA.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

KUALITI



PENYERTAAN KUMPULAN KIK UiTM CAWANGAN JOHOR KE KONVENTSYEN KIK UiTM PERINGKAT ZON SELATAN 2022

Penulis: Siti Rahayu Sarman

UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) telah berjaya menghantar 2 kumpulan sebagai wakil penyertaan ke Konvensyen KIK UiTM, Peringkat Zon Selatan bagi tahun 2022 yang telah dianjurkan oleh UiTM Cawangan Melaka selaku pengajar zon selatan yang dilantik oleh InQKA. Kumpulan KIK yang telah mewakili UiTMCJ adalah satu kumpulan daripada Kampus Segamat (Kumpulan KIK Persada HEP) dan satu lagi daripada Kampus Pasir Gudang (Kumpulan KIK CivGU MURNI).

Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon Selatan 2022 ini telah diadakan pada 15 hingga 17 Ogos 2022 secara atas talian menggunakan platform Cisco Webex dengan bertemakan Transformasi Minda Ke Arah Inovasi Global.



Kumpulan KIK Persada HEP telah memenangi Penarafan Emas, Anugerah KIK Primer Terbaik Inovasi Pengurusan dan Anugerah KIK Primer Terbaik Bidang Inovasi Pengurusan (Kategori Penciptaan) manakala Kumpulan KIK CivGU MURNI pula telah memenangi Penarafan Emas, Anugerah KIK Primer Terbaik Bidang Inovasi P&P (Kategori Penambahbaikan) dan Anugerah Kumpulan KIK Istiqamah.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

KUALITI

AUDIT EKSA UiTM CAWANGAN JOHOR 2022 – KE ARAH PENSIJILAN EKSA MAMPU

Penulis: Siti Rahayu Sarman dan Husnizam Hosin

Jawatankuasa Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat sedang ke arah untuk mendapatkan Pensijilan EKSA daripada MAMPU. Inisiatif ini adalah rentetan dari amalan 5S di samping mewujudkan persekitaran yang kondusif dengan berimej korporat yang mengutamakan kreativiti, inovasi dan amalan hijau ('Go Green') dengan memenuhi model penilaian dan pengauditan baharu yang dikeluarkan oleh MAMPU. UiTMCJ juga telah melantik Champion EKSA, Puan Siti Hajar binti Lainggeh @ Hj. Abd. Rahman daripada Kolej Komuniti Tanjung Piai, Pontian Johor sebagai Fasilitator EKSA bagi membantu UiTMCJ mendapatkan pensijilan tersebut.

Jawatankuasa EKSA juga telah menghasilkan eBook 'Garis Panduan Pelaksanaan EKSA' dan eBook 'Panduan Penyeragaman Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)' yang telah dimuatnaik ke laman web PTDI UiTMCJ. Audit EKSA UiTMCJ oleh Jawatankuasa Induk EKSA juga telah diadakan pada 25 Oktober 2022 hingga 07 November 2022 melibatkan keseluruhan 6 fakulti, 1 jabatan dan 15 bahagian serta unit. Bagi menyemarakkan semangat EKSA dalam kalangan warga UiTMCJ, pengiktirafan pencapaian kepada fakulti, unit dan bahagian yang mencapai markah tertinggi dalam sesi audit akan diberikan semasa Sambutan Hari Inovasi & Kualiti UiTMCJ 2022.



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT

Penyusun:

HUSNIZAM HOSIN
MAWAR NOOR ABDULLAH



PANDUAN PENYERAGAMAN

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN JOHOR



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2023

PTDI

UiTM CAWANGAN JOHOR

PAMERAN SENI WARISAN MELAYU

Penulis: Siti Rozana binti Mat Sanat



Pada 9 hingga 31 Januari 2022 yang lalu telah berlangsung Pameran Seni Warisan Melayu secara fizikal. Pameran ini telah diadakan di Ruang Perpustakaan Tun Dr Ismail 1. Turut dipamerkan adalah alat muzik seperti Gendang Ibu, Gendang Anak, Gong, Kenong, Saron, Kompang, Kuda Kepang dan Wau. Selain itu, terdapat juga contoh baju Seni Silat Gayung dan alat seni pertahanan diri iaitu Celoreng. Pameran ini mendapat kerjasama daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Sungai Siput, Mukim Jementah dan Pensyarah Ustaz Syazali Effendi bin A. Wahab yang merupakan Tenaga Pengajar Seni Silat Gayung di UTM Cawangan Johor.

Antara lain objektif utama pameran adalah seperti berikut:

- Mempamerkan bahan/koleksi sejarah lisan yang merupakan hasil koleksi daripada pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat.
- Memberi maklumat kepada pengunjung perpustakaan tentang Seni Warisan Melayu.
- Menghayati dan menghargai nilai sejarah agar tidak dilupakan oleh masyarakat pada masa kini.


Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

LIVE@PTDI - SEMBANG SANTAI: DARI SEGAMAT KE ENGLAND

Penulis: Siti Rozana binti Mat Sanat

Program 'Sembang Santai: Dari Segamat ke England' telah berlangsung dengan jayanya pada 12 Januari 2022 secara dalam talian. Perpustakaan Tun Dr Ismail bertindak sebagai penganjur dan terbuka kepada semua mahasiswa UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Program ini disiarkan secara langsung dengan panel jemputan khas dari England, United Kingdom iaitu Puan Farah Ilyiani binti Amizan, Pelajar *University of Sheffield*, jurusan *Master in Logistic & Supply Chain Management* yang merupakan Mantan Setiausaha JPK Kediaman C 2009, Kolej Si Manja Kini. Mendapat tontonan sebanyak 401 penonton melalui YouTube UiTM Johor dan 121 tontotonan menerusi Facebook PTDI UiTM Johor, program ini telah dikendalikan dengan jayanya oleh Pelajar Latihan Industri, Saudari Indah Nurzulaili binti Jamalulizam.

Antara objektif utama program ini adalah menggalakkan pelajar-pelajar untuk menyambung pelajaran dalam aspek pembelajaran berterusan. Selain itu, ia mampu menaikkan nama negara serta institusi pendidikan tempatan dengan menyokong pelajar untuk menyambung pelajaran ke peringkat antarabangsa. Manakala pelajar-pelajar pula dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan lebih baik di samping meluaskan kenalan ke peringkat antarabangsa.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

LIVE@PTDI : BICARA ILMU BERSAMA ALUMNI UITM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT SIRI I

Penulis: Roslan bin Mohd Nor

Program Bicara Ilmu merupakan satu program yang menggabungkan pelbagai variasi khusus tentang jurusan pengurusan maklumat yang melibatkan komunikasi antara pelajar dan panel jemputan bagi melahirkan mahasiswa yang berjaya sekaligus menzahirkan penghayatan tentang pengalaman yang dikongsikan secara dalam talian. Telah dilaksanakan pada tarikh 13 Januari 2022, program ini merupakan anjuran pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat dengan kerjasama Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

Bagi siri satu (1) ini, slot pertama telah dianjurkan oleh kelas JIM1105A dengan menjemput Encik Muhammad Izzuddin bin Abd Rahman manakala penceramah jemputan kelas JIM1105C merupakan Encik Md Azri Dzhiya Ul Haq bin Md Aziz untuk slot kedua (2). Kedua-dua penceramah merupakan Alumni UiTM Cawangan Johor dan telah memberikan penekanan terhadap tajuk pengurusan rekod dan kehidupan di luar sebagai seorang profesional pengurusan maklumat.

Sebanyak 885 tontonan menerusi platform YouTube Live telah diperolehi manakala 119 tontonan di platform Facebook Live.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

LIVE@PTDI : BICARA ILMU BERSAMA ALUMNI UITM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT SIRI II

Penulis: Roslan bin Mohd Nor

Kejayaan Program Bicara Ilmu pada siri pertama yang lepas telah membawa kepada penganjuran program ini untuk siri kedua dan berlangsung dengan jayanya pada 20 Januari 2022 yang lepas secara dalam talian sepenuhnya. Masih lagi bekerjasama dengan Fakulti Pengurusan Maklumat, Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) menyambut baik usaha-usaha bagi mendedahkan pelajar dengan realiti alam pekerjaan sebenar. Pendedahan sebegini mampu membina kemahiran komunikasi yang lebih baik, di samping mereka mempelajari kelangsungan hidup di alam pekerjaan melalui perkongsian yang diberikan oleh penceramah.

Bagi siri kedua (2), slot pertama (1), kelas JIM110 5B telah menjemput Cik Norasikin binti Darsono manakala slot kedua (2) pula dikendalikan oleh kelas JIM110 5D telah menjemput Ts. Ahmad Fauzi bin Ahmad Puad. Kedua-dua penceramah ini telah mengupas tentang topik yang menarik seperti perjalanan sebagai seorang pelajar dan pengalaman kerjaya yang diceburi. Alhamdulillah program ini telah mendapat tontonan secara langsung sebanyak 1028 tontonan menerusi platform YouTube Live dan 115 tontonan di platform Facebook Live.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

PTDI PRIHATIN : SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG TENANG, LABIS, JOHOR

Penulis: Siti Rozana binti Mat Sanat



Bersempena Ramadhan Al-Mubarak 1444H/2022, pengagihan sumbangan barang keperluan makanan serta sumbangan duit raya telah diberikan kepada 20 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Kampong Tenang, Labis, Johor pada 13 April 2022. Program ini dijayakan dengan sumbangan daripada staf PTDI Kampus Segamat, PTDI Kampus Pasir Gudang dan pihak luar. Program ini menyokong salah satu fokus PTAR bagi tahun 2021 iaitu #PTARPrihatin seterusnya di peringkat PTDI UiTM Cawangan Johor, fokus ini diselaraskan kepada #PTDIPrihatin. Objektif lain adalah menyokong PI UiTM ke 10 iaitu Program Khidmat Masyarakat UiTM. Di samping menanamkan sikap prihatin kepada golongan yang kurang bernasib baik seperti pelajar yang kurang berkemampuan, miskin tegar, dan berpendapatan rendah, program ini juga mampu melatih warga PTDI untuk bersedekah dan berkongsi rezeki di bulan Ramadhan. Sumbangan telah disampaikan oleh Puan Mawar Noor binti Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan dan diiringi oleh Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kampong Tenang, Cikgu Zainab binti Ahmad.

Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

AUDIT DALAM EKSA PTDI SEGAMAT

Penulis: Roslan bin Mohd Nor

Pada 22 November 2022, PTDI telah dilawati oleh dua (2) ahli jawatankuasa EKSA UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) iaitu Encik Mohd Hakimi Harman, Ketua Auditor EKSA UiTMCJ dan Encik Husnizam Hosin iaitu Penyelaras Jawatankuasa EKSA untuk melakukan audit di PTDI di mana PTDI 1 (bangunan baru) telah dipilih untuk lokasi aktiviti EKSA.

Pelaksanaan audit bermula jam 2.30 petang dengan sesi pembentangan slaid EKSA oleh Encik Ahmad Akmal bin Mohd Idris, Ketua Zon EKSA PTDI dan seterusnya lawatan ke seluruh bangunan PTDI 1. Pada sesi penutup, Ketua Audit iaitu Encik Mohd Hakimi bin Harman amat berpuas hati dan memuji pelaksanaan EKSA di PTDI dan pengumuman pemenang akan diumumkan pada Hari Kualiti peringkat UiTMCJ. Sesi audit berakhir dengan penyampaian saguhati kepada setiap auditor oleh Puan Mawar Noor Binti Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan. Perlaksanaan EKSA yang berterusan oleh setiap staf akan menampakkan kredibiliti PTDI serta dapat menarik minat pengunjung untuk datang dan menggunakan perkhidmatan serta kemudahan yang terdapat di PTDI.



Sumber gambar keseluruhan laporan ini adalah daripada penulis.

e-ADICITA
EDISI PERTAMA

2
0
2
3

**KLIK-KLIK
UiTM
CAWANGAN JOHOR**

UiTM CAWANGAN JOHOR

“Sambutan Rektor Baharu UiTM Cawangan Johor,”

Tarikh : 17 Oktober 2022



“One Step Ahead : Outreach myFuturejobs Career Fair”

Tarikh : 23 Oktober 2022



“Luaskan Kuasa Pemasaran Digital”

Tarikh : 22 & 29 Oktober 2022



“Program Buat Duit dengan Agromakanan UiTM Cawangan Johor Kampus Simfoni Alam”

Tarikh : 27 Oktober 2022



‘Sesi Libat Sama Rektor bersama Staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana’

Tarikh : 06 November 2022



‘Program Penyerahan Peranti Siswa Keluarga Malaysia’

Tarikh : 03 & 09 November 2022



‘Majlis Perasmian Program JFS HERO Daerah Segamat & Penyerahan Insentif Bio Johor’

Tarikh : 10 November 2022



‘Lawatan Akademik SMK Bandar Baru Salak Tinggi Sepang, Selangor ke Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat’

Tarikh : 13 November 2022



Majlis Pelancaran Menu Keluarga Malaysia - Siswa Keluarga Malaysia - UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat

Tarikh : 01 Disember 2022



Istiadat Konvokesyen UiTM ke-95 di Dewan Agung Tuanku Canselor,

Tarikh : 08 Disember 2022



Majlis Penutupan Barakah Zakat 2022

Tarikh : 20 Disember 2022



Majlis Makan Malam SPKG 2.0

Tarikh : 25 Disember 2022





UiTM Cawangan Johor

